

ANM(T)81/10/6/10/Jld.3/(25)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri

Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan/Jabatan Akauntan Negara

Semua Pusat Gaji



Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BIL. 5 TAHUN 2000**

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN BAGI TAHUN 2000 KEPADA
PEGAWAI SEKTOR AWAM**

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan pembayaran imbuhan bagi tahun 2000 kepada pegawai sektor awam.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2000.

2. ASAS PERKIRAAN IMBUHAN

- 2.1. Kadar Imbuan yang perlu dibayar hendaklah dikira berasaskan kepada gaji pokok (termasuk elaun memangku) yang telah dibayar bagi bulan Disember 2000 kecuali pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada bulan Disember 2000, perkiraan adalah berdasarkan kepada gaji pokok terakhir.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN

- 3.1. Imbuan ini akan dibayar penuh dalam bulan Disember 2000. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut telah dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat:-

3.1.1. Cukai Pendapatan

- 3.1.1.1. Cukai pendapatan tidak perlu dipotong dari amaun imbuan yang hendak dibayar, tetapi imbuan tersebut hendaklah diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan.

3.1.2. Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

- 3.1.2.1. Dibawah tafsiran 'upah' dalam seksyen 2, Akta KWSP 1991, imbuan tahun 2000 ini adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

3.1.3. Penyata Perubahan (Kew.8)

- 3.1.3.1. Penyata Perubahan tersebut tidak perlu disediakan untuk pembayaran imbuan ini. Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan mengeluarkan Laporan R620A sebagai menggantikan Penyata Perubahan.

3.1.4. Dokumen Sokongan Untuk Baucar Berasingan

3.1.4.1. Oleh kerana Kew.8 tidak diperlukan maka semasa mengemukakan baucar berasingan untuk pembayaran imbuhan ini dokumen berikut boleh diterima sebagai dokumen sokongan:-

- a. Salinan Laporan Gaji bulan Disember 2000, atau
- b. Salinan Penyata Gaji (pay slip) bulan Disember 2000 atau
- c. Salinan Lembaran Gaji Manual bulan Disember 2000 atau
- d. Catatan perkiraan imbuhan samada disediakan atas kertas berasingan atau ditaip di belakang baucar.

3.1.5. Kod Urusniaga Imbuhan

3.1.5.1. Kod-kod urusniaga Imbuhan yang perlu digunakan adalah seperti berikut:-

<u>KOD SODO</u>	<u>KOD ELAUN</u>	
15103	- 0028 -	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
15204	- 0029 -	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
29304	- 0030 -	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara Dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

3.2. Seperti yang telah ditetapkan di Perenggan 20 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2000, pembayaran keseluruhan ~~Imbuhan Tahunan~~ **Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi yang baru** dimana pegawai ditempatkan. Walau bagaimanapun untuk pegawai sektor awam dimana gaji dibayar oleh Jabatan

Akauntan Negara Malaysia/Jabatan Mengakaun Sendiri dan gaji mereka masih dibayar oleh pejabat lama untuk gaji bulan Disember 2000, maka imbuhan tahunan akan dimasukkan ke dalam gaji di pejabat lama tersebut. Tetapi sekiranya imbuhan ini tertinggal dari gaji yang disediakan oleh pejabat lama, maka pejabat baru hendaklah menyediakan imbuhan tahunan secara baucar berasingan.

- 3.3 Jabatan hendaklah menyemak semula amaun imbuhan yang telah dimasukkan ke dalam gaji bulan Disember 2000 bagi semua Pegawai Sektor Awam berkenaan terutama sekali mereka yang tidak layak menerima imbuhan dan mereka yang hanya layak menerimanya secara "proportionate" seperti yang tersebut di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2000. Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang Pegawai Sektor Awam.

4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN

- 4.1. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah membayar imbuhan ini daripada peruntukan Belanja Mengurus 2000 yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'


(SITI MASLAMAH BINTI OSMAN)
Akauntan Negara Malaysia.

4 Disember 2000.

- s.k.
1. Ketua Audit Negara.
 2. Semua Pegawai Kewangan Negeri.
 3. Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
 4. Semua Pengurs Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.
 5. Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.
 6. Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri.
 7. Pengurus Besar KWSP.